

02 MAY 2002

Petronas-Kebakaran/I

KOMPLEKS PETRONAS DI KERTIH TIDAK TERJEJAS OLEH KEBAKARAN

KUALA TERENGGANU, 2 Mei (Bernama) -- Petronas Gas Bhd berkata Kompleks Industri Petroleum miliknya di Kertih tidak terjejas dalam kebakaran yang berlaku di Loji Pemprosesan Gas 2 (GPP) pagi ini yang menyebabkan seorang pekerja terbunuh.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhubungan Media dan Penerangan Petronas di Kuala Lumpur, syarikat minyak milik negara itu berkata tiada sebarang kerosakan dikesan pada loji dan kemudahan yang terdapat di sekitar GPP berkenaan berikutan kebakaran itu.

Kenyataan itu bagaimanapun menjelaskan bahawa sebagai langkah berjaga-jaga, satu daripada tiga GPP yang terdapat di Kompleks A telah ditutup sementara.

Menurut kenyataan itu, kebakaran yang berlaku hanya menjejaskan sebahagian kecil keseluruhan operasi loji berkenaan.

"Operasi dua lagi GPP di Kompleks B di Kampung Tok Arun di Kertih tidak terjejas," katanya.

Siasatan awal mendapati kejadian itu berlaku semasa kerja penyenggaraan dijalankan di GPP 1 yang ditutup bagi tujuan itu.

Dalam kejadian pada pukul 4.30 pagi tadi, seorang pekerja kontrak terbunuh manakala lima yang lain melecur dan cedera.

Semua mangsa dihantar ke Klinik Petronas Rantau oleh ambulans Unit Perkhidmatan Bomba Petronas untuk mendapatkan rawatan awal sebelum diterbangkan ke Hospital Kuala Terengganu bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Menurut kenyataan itu, Petronas Gas Bhd sedang menyiasat punca kebakaran dan akan memberi maklumat lanjut mengenainya dengan secepat mungkin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan kompleks berkenaan 9 Mei ini.

-- BERNAMA

SN SP MAI